



JURNAL LINGUISTIK Vol. 28 (2) November 2024 (136-148)

Prosedur Terjemahan Unsur Budaya dalam Novel Salina

¹Nur Hidayah Yahaya & ²Nur Iman Nasuha Mohamad Sharudin

¹hidayah0243@uitm.edu.my & ²iman.nasuha51@gmail.com

*Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.*

Tarikh terima : 29 September 2024
Received
 Terima untuk diterbitkan : 17 November 2024
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2024
Published online

Abstrak

Teks yang mengandungi unsur-unsur budaya memberi cabaran kepada penterjemah untuk menghasilkan terjemahan yang tepat. Hal ini kerana, pemindahan unsur budaya dari satu bahasa ke bahasa yang lain menyukarkan proses pemilihan perkataan dan pembinaan struktur ayat dalam bahasa sasaran. Kesukaran ini disebabkan oleh kelainan budaya dan bahasa yang wujud antara teks sumber dan teks sasaran terutamanya melibatkan penterjemahan teks sastera. Penulisan teks sastera sering menggunakan bahasa yang tersirat serta mengandungi makna yang sukar untuk diterjemahkan secara langsung. Hal ini kerana setiap masyarakat terikat dengan gaya hidup budaya dan nilai yang berbeza. Oleh itu, penterjemah haruslah berhati-hati untuk mendapatkan padanan unsur budaya dalam bahasa sasaran. Sekiranya terjemahan yang dihasilkan tidak menepati makna dalam teks sumber, penyampaian mesej kepada pembaca sasaran tidak akan dapat dicapai. Kajian ini akan mengaplikasikan pendekatan kualitatif iaitu satu kaedah menganalisis dan menghuraikan data yang diperolehi yang melibatkan terjemahan unsur budaya daripada bahasa Melayu sebagai bahasa sumber ke bahasa Inggeris sebagai bahasa sasaran. Seterusnya prosedur terjemahan unsur budaya ini akan dianalisis dengan menggunakan jenis unsur budaya dan prosedur terjemahan oleh Newmark (1988). Hasil kajian mendapati terdapat empat daripada lima unsur budaya yang ditemui serta terdapat 12 prosedur terjemahan unsur budaya yang dapat dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan pemilihan prosedur terjemahan yang betul dapat membantu penterjemah memberikan hasil terjemahan yang tepat.

Kata Kunci: prosedur terjemahan, budaya, novel, bahasa sumber, bahasa sasaran

Translation Procedures for Cultural Elements in Salina's Novel

Abstract

A text that contains cultural elements challenges the translator to produce an accurate translation. This is because the transfer of cultural elements from one language to another complicates word selection and effect the sentence structure construction. This difficulty is caused by cultural and language differences between the source text and the target text, especially involving the translation of literary texts. Literary texts often implied figurative language and contain meaning that are difficult to translate directly. This is because different cultural lifestyle and values bind each community. If the translated text does not match the meaning of the source text, the delivery of the message to the target reader will not be achieved. This study will apply a qualitative approach which is a method of analyzing and describing the data obtained according to the survey that will be conducted. The translation of cultural elements from the source language to the target language will be examined. Therefore, this study will identify cultural elements as well as analyze the translation procedure of cultural elements in Salina's novel. This study will utilize the theory of cultural elements and translation procedures by Newmark (1988). The study results

found that four out of five cultural elements and 12 cultural translation procedures were used. The findings of the study show the selection of the correct translation procedure can help translators provide accurate translation results.

Keyword: translation procedure, culture, novel, source text, target text

1. Pengenalan

Penterjemahan adalah satu proses mentafsir teks dengan menghasilkan teks baharu dalam bahasa lain (Puteri Roslina, 2012). Proses penterjemahan haruslah dilaksanakan dengan teliti supaya makna daripada teks sumber dapat dikekalkan dalam teks sasaran. Selain itu, menterjemah juga adalah satu proses mengkaji leksikal, sintaksis, situasi komunikasi serta konteks budaya dalam teks bahasa sumber (Larson, 1984). Oleh yang demikian, seseorang penterjemah haruslah berhati-hati semasa menterjemah teks kerana bukan sahaja makna yang perlu dikekalkan, tetapi juga perlu mencari perkataan yang sesuai untuk menterjemah unsur budaya yang terdapat dalam teks sumber tersebut.

Nida (1993) juga menyatakan bahawa menterjemah unsur budaya adalah sesuatu perkara yang sukar daripada menterjemah struktur kata antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Penterjemah harus memberikan perhatian kepada setiap pemilihan padanan yang sesuai supaya teks terjemahan yang dihasilkan tidak menyimpang daripada makna asalnya. Kepelbagaian aspek budaya dalam sesuatu masyarakat juga telah menjadikan proses terjemahan ini bertambah rumit, kerana setiap elemen budaya yang wujud dalam sesebuah komuniti boleh membawa makna yang berbeza antara komuniti yang lain. Prosedur terjemahan yang digunakan juga menentukan ketepatan padanan yang dihasilkan (Zuraidah, 2023). Oleh itu, penterjemah perlu mencari dan menggunakan kesesuaian budaya yang merangkumi cara hidup dan tradisi amalan masyarakat setempat ketika menterjemah agar difahami dengan mudah oleh pembaca bahasa sasaran dengan menggunakan prosedur terjemahan yang betul.

Novel Salina karya sasterawan negara A.Samad Said merupakan salah satu contoh novel karya sastera yang mengangkat tema budaya dalam masyarakat. Penterjemahan karya sastera adalah suatu terjemahan yang sukar dan rumit dalam mengekalkan bentuk dan makna daripada teks sumber. Hal ini demikian kerana, terdapat penggunaan unsur budaya dalam karya sastera tidak semudah memindahkan bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran (Norhazlina Husin, 2015). Kesukaran ini disebabkan oleh jurang serta kelainan budaya dan bahasa yang wujud antara teks sumber dan teks sasaran (Arnida & Lubna, 2021). Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis prosedur terjemahan unsur budaya dalam novel Salina serta terjemahannya yang dihasilkan oleh Lalita Sinha.

1.1 Permasalahan kajian

Penterjemahan merupakan satu proses memindahkan maklumat daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran. Penterjemahan karya sastera adalah suatu terjemahan yang sukar dan rumit dalam mengekalkan bentuk dan makna daripada teks sumber. Hal ini demikian kerana, terdapat penggunaan unsur budaya dalam karya sastera tidak semudah memindahkan bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran (Norhazlina Husin, 2015). Maka, berlakunya ketidakfahaman dan kekaburan makna dalam menterjemah unsur budaya. Setiap masyarakat mempunyai aspek budaya mereka sendiri. Hal ini menyebabkan penterjemah sukar untuk menyampaikan maksud atau konsep budaya tersebut. Sarjana terdahulu banyak menyatakan bahawa terdapat kesukaran dalam menterjemahkan perkataan yang mempunyai unsur budaya (Newmark, 1988; dan Mazlan et al. 2020). Kesukaran ini disebabkan oleh jurang serta kelainan budaya dan bahasa yang wujud antara teks sumber dan teks sasaran (Arnida & Lubna, 2021).

Penterjemahan karya sastera seperti novel adalah satu tugas yang sukar kerana karya sastera sering menggunakan bahasa yang tersirat atau simbolik, yang memerlukan kepandaian pembaca untuk memahami. Bahasa tersirat ini biasanya mengandungi makna yang sukar untuk diterjemahkan secara langsung. Hal tersebut akan menyebabkan sesuatu mesej itu gagal disampaikan kepada pembaca dalam bahasa sasaran tersebut. Tambahan pula, aktiviti menterjemah unsur budaya dalam karya sastera juga merupakan satu proses yang sukar. Setiap masyarakat terikat dengan gaya hidup budaya dan

pengalaman hidup mereka sendiri. Setiap masyarakat mempunyai budaya yang berbeza, dan sukar bagi penterjemah untuk mengekalkan maksud dan konsep budaya asal ke dalam teks terjemahan.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk:

- a. Mengenal pasti kategori unsur budaya yang terdapat dalam novel “Salina”.
- b. Menganalisis prosedur terjemahan unsur budaya yang terdapat dalam novel “Salina”.

1.3 Persoalan Kajian

Berikut merupakan persoalan dalam kajian ini:

- a. Apakah kategori unsur budaya yang terdapat dalam Novel Salina?
- b. Apakah prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah unsur budaya yang terdapat dalam novel “Salina”?

2. Kosa Ilmu

Kosa ilmu merupakan sebuah kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana terdahulu mengikut tajuk yang dipilih dalam kajian yang akan dijalankan. Menurut Nor Aimi Dalila (2015), ulasan kosa ilmu merupakan bahagian yang penting dalam menjalankan sesuatu penyelidikan untuk dijadikan sebagai rujukan.

Ahmad Jalaluddin Al-Islami Moh Shin et al. (2021) telah melakukan sebuah penyelidikan tentang unsur budaya dan hanya tertumpu pada unsur budaya ekologi yang merangkumi flora dan fauna dalam al-Quran. Kajian ini telah menggunakan pendekatan Newmark (1988) bagi kategori unsur budaya dan pendekatan Vinay dan Darbelnet (1995) untuk strategi penterjemahan unsur budaya ekologi. Hasil kajian mendapati bahawa pemilihan prosedur yang sesuai dapat menterjemahkan perkataan budaya tanpa menyimpang jauh daripada makna bahasa sumber.

Mazlan Ahmad et al. (2020) telah menganalisis terjemahan perkataan budaya berkaitan makanan dan minuman dalam buku bergambar “Bijak Si Katak Bijak ke bahasa Jepun”. Kajian ini telah menggunakan kategori unsur budaya oleh Newmark (1988) dan hanya menumpukan kepada unsur kebendaan sahaja bagi melihat perkataan budaya berkenaan makanan dan minuman. Kajian ini juga telah mengaplikasikan kaedah terjemahan Funada (2016) dan Hasegawa (2012) mengikut kesesuaian bahasa sasaran yang akan diterjemahkan. Kajian ini mendapati bahawa padanan perkataan perlu dilakukan berhati-hati untuk mengelakkan terjemahan yang kurang tepat.

Selain itu, kajian oleh Nadzirah Ramlee (2017) membincangkan unsur budaya dan prosedur terjemahan yang terdapat dalam teks terjemahan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Terdapat dua pendekatan oleh Newmark (1988) digunakan iaitu jenis unsur budaya dan prosedur terjemahan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur budaya dan menganalisis prosedur terjemahan dalam novel “*In Dubious Battle*” dan terjemahannya “Perjuangan Sia-Sia”. Hasil kajian menunjukkan bahawa prosedur terjemahan literal banyak digunakan dalam menterjemahkan teks sumber ke teks sasaran. Kaedah ini dapat menyampaikan mesej dalam karya sastra bagi memenuhi bentuk dan makna.

Nur Hafeza & Goh Sang Seong (2014) telah menjalankan kajian yang berkaitan strategi terjemahan unsur kepercayaan dan nilai dalam novel “Sungai Mengalir Lesu” dan diterjemah oleh Aveling. Kajian ini memanfaatkan pendekatan dokumentari dan instrumental oleh Nord (1997). Kajian ini menerapkan strategi terjemahan yang diperkenalkan oleh Nord yang merangkumi terjemahan filologikal, terjemahan literal, terjemahan homologus dan terjemahan sefungsional. Hasil kajian dilakukan menunjukkan unsur nilai dan kepercayaan bahasa sumber berkongsi medan semantik budaya yang sama dengan bahasa sasaran.

3. Metodologi

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif kerana bersesuaian dengan data yang dipilih. Menurut Rohana Yusof (2003), pendekatan kualitatif ialah satu kaedah menganalisis dan menghuraikan data yang diperoleh mengikut kajian yang akan dilakukan. Penganalisisan dan penghuraian data akan dilakukan bagi melihat kategori unsur budaya dan prosedur terjemahan dalam novel yang dikaji. Novel Salina karya A. Samad Said yang ditulis dalam bahasa Melayu serta terjemahannya yang dihasilkan oleh Lalita Sinha dalam bahasa Inggeris akan digunakan dalam kajian ini. Bab yang dipilih adalah 10 bab pertama sahaja dan hanya aspek terjemahan unsur budaya yang akan diteliti serta aspek lain seperti masalah sosiobudaya atau ketepatan padanan unsur budaya tidak akan dianalisis. Seterusnya, kajian ini akan mengaplikasikan teori prosedur terjemahan yang diperkenalkan oleh Newmark (1988). Terdapat 18 prosedur terjemahan Newmark (1988) iaitu pemindahan, naturalisasi, persamaan budaya, persamaan fungsional, persamaan deskriptif, sinonim, pinjam terjemah, transposisi, modulasi, terjemahan sedia ada, terjemahan label, penggantian, analisis komponen, pengurangan dan perluasan, parafrasa, kuplet, nota dan glosari dan terjemahan literal.

3.1 Kaedah Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah analisis teks yang melibatkan perbandingan dua bahasa yang berbeza iaitu melibatkan bahasa Melayu sebagai bahasa sumber dan bahasa Inggeris sebagai bahasa sasaran. Neuman (1991) menyatakan bahawa analisis teks ialah satu teknik analisis terhadap bahan-bahan yang bersifat teks seperti novel, jurnal, majalah dan sebagainya. Analisis teks ini boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang ilmu termasuklah bidang penterjemahan, bidang politik, bidang pendidikan dan sebagainya. Selain itu, kaedah ini merupakan kaedah yang paling sesuai kerana analisis teks melibatkan pengumpulan data yang merangkumi perkataan, ayat, makna, perbezaan unsur budaya serta mesej yang ingin disampaikan dalam teks sumber serta teks sasaran (Nur Asyikin Rodin, 2024).

3.2 Kerangka Teori

Kajian ini akan memanfaatkan dua jenis konsep iaitu Kategori Unsur Budaya dan Prosedur Terjemahan oleh Newmark (1988).

- **Kategori Unsur Budaya oleh Newmark (1988)**

Kategori unsur budaya terbahagi kepada lima iaitu:

- a) **Ekologi**

Budaya ekologi merujuk kepada faktor geografi dan persekitaran sesebuah tempat (Newmark, 1988). Lazimnya, unsur budaya ekologi ini bebas daripada hal politik dan ekonomi. Antara ciri geografi yang boleh dibezakan dalam unsur budaya seperti tumbuhan, haiwan, iklim, bentuk muka bumi dan sebagainya. Setiap unsur budaya ekologi mempunyai kepentingan kepada sesebuah masyarakat. Ada sesetengah ekologi ini melambangkan masyarakat tersebut.

- b) **Budaya Material**

Budaya material merupakan bahan artifak atau kebendaan yang merujuk kepada aspek penting dalam kehidupan manusia. Menurut Newmark (1988), budaya material ini boleh terdiri daripada makanan, pakaian, rumah dan bandar, dan kenderaan yang dicipta oleh manusia.

- c) **Budaya Sosial**

Budaya sosial merujuk kepada aspek kerja dan aktiviti dalam sesuatu bahasa yang menjadi suatu kebiasaan dalam kehidupan seharian. Newmark (1988) menyatakan bahawa pekerjaan, aktiviti beriadah, hierarki masyarakat atau permainan yang diamalkan menunjukkan aspek budaya sosial.

- d) **Organisasi Sosial**

Organisasi sosial merupakan aspek budaya yang penting dalam sesebuah masyarakat seperti adat, kepercayaan, agama dan falsafah. Organisasi boleh terdiri daripada sistem pentadbiran dan politik.

Kepercayaan pula merujuk kepada pegangan agama sesebuah masyarakat. Terdapat sesetengah masyarakat mempunyai adat resam, istiadat dan keunikan seni yang diamalkan dari zaman nenek moyang. Kategori budaya ini akan menunjukkan makna tersendiri kepada masyarakat yang mengamalkan organisasi sosial seperti adat dan agama tertentu.

e) Gerak Isyarat dan Tabiat

Gerak isyarat dan tabiat merujuk kepada perbuatan dan amalan yang dilakukan oleh sesuatu masyarakat. Setiap gerak isyarat yang dilakukan mempunyai perbezaan dengan masyarakat yang lain. Hal ini kerana setiap isyarat yang dilakukan itu mempunyai makna dan melambangkan masyarakat itu sendiri.

- **Prosedur Terjemahan Newmark (1988)**

Kajian ini akan mengaplikasikan 18 prosedur terjemahan yang diperkenalkan oleh Newmark (1988) iaitu:

1. Pemindahan

2. Pemindahan merupakan satu prosedur yang merujuk kepada proses pemindahan perkataan bahasa sumber kepada bahasa sasaran yang merangkumi proses transliterasi (bentuk huruf kepada huruf lain). Peminjaman dilakukan secara terus dari teks sumber kepada teks sasaran.

2. Naturalisasi

Naturalisasi merupakan proses naturalisasi melibatkan proses penyesuaian dalam perkataan bahasa sumber akan dimodifikasikan mengikut sistem morfologi bahasa sasaran. Prosedur ini juga mengadaptasi sistem bunyi bahasa sasaran dari kata yang dipinjam dari bahasa sumber.

3. Persamaan Budaya

Persamaan budaya adalah perkataan yang terdapat dalam budaya bahasa sumber digantikan dengan perkataan budaya bahasa sasaran. sesuatu perkataan yang memiliki unsur budaya dalam bahasa sumber dan diterjemahkan dengan perkataan yang turut memiliki padanan dalam bahasa sasaran walaupun persamaannya tidak terlalu tepat.

4. Persamaan Fungsional

Persamaan fungsional digunakan apabila penterjemah cuba menterjemah perkataan yang memiliki unsur budaya dalam bahasa sumber dengan perkataan yang tidak memiliki unsur budaya dalam bahasa sasaran.

5. Persamaan Deskriptif

Persamaan deskriptif merujuk kepada terjemahan yang berbentuk huraian. Perkara ini secara tidak langsung telah menunjukkan kepentingan penerangan dan fungsi dalam terjemahan.

6. Sinonim

Sinonim adalah penterjemahan dengan menggunakan padanan perkataan bahasa sasaran yang se hampir mungkin. Kebiasaannya digunakan dalam terjemahan perkataan satu-lawan-satu.

7. Pinjam Terjemah

Prosedur ini melibatkan terjemahan istilah daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran dan kebiasaannya digunakan untuk menterjemah nama organisasi atau istilah khusus dalam bidang tertentu. Selain itu, prosedur ini juga boleh digunakan untuk menterjemah unsur budaya yang terdapat dalam teks.

8. Anjakan atau Transposisi

Prosedur anjakan atau transposisi merujuk kepada prosedur terjemahan yang menukarkan kelas sesuatu kata atau elemen dalam bahasa sumber dengan kelas kata atau elemen yang lain dalam bahasa sasaran. Makna terjemahan yang dihasilkan ialah makna yang sama namun tidak berlakunya perubahan keseluruhan mesej yang ingin disampaikan.

9. Modulasi

Prosedur modulasi merupakan terjemahan yang digunakan untuk mengubah persepsi pembaca sasaran. Penyesuaian telah dilakukan dari bahasa sumber ke bahasa sasaran dengan padanan yang sesuai agar maklumat yang disampaikan dapat difahami dengan mudah dan memastikan tiada unsur ketaksaan dalam terjemahan bahasa sasaran.

10. Terjemahan Sedia Ada

Prosedur ini merujuk kepada padanan perkataan yang telah wujud dalam bahasa sumber dan dapat diterima dalam bahasa sasaran. Prosedur ini sering digunakan untuk menterjemah istilah-istilah yang merujuk kepada sesebuah institusi. Namun begitu, istilah bagi sesebuah institusi tidak digalakkan untuk diterjemah melainkan ia benar-benar dipakai dan diterima dalam budaya bahasa sasaran (Newmark, 1988).

11. Terjemahan Label

Terjemahan label merupakan terjemahan sementara yang digunakan dalam menterjemahkan sesebuah institusi dengan menggunakan tanda petikan. Perkataan yang diterjemahkan sudah diterima dalam masyarakat, maka tanda pengikat kata tersebut boleh digugurkan.

12. Penggantian

Prosedur penggantian digunakan apabila kesan pragmatik, metafora, maksud sebenar ayat dan kesan bunyi sesuatu ayat dihilangkan namun digantikan dengan perkataan yang lain dalam bahasa sasaran.

13. Analisis Komponen

Prosedur analisis komponen adalah perbandingan antara satu perkataan dengan satu perkataan dengan mempunyai makna yang hampir sama. Diaplikasikan apabila terdapat unit leksikal dalam bahasa sumber yang perlu diterjemahkan secara analisis komponen. Perkara ini juga berbeza berbanding analisis komponen dalam bidang pragmatik. Analisis komponen dalam bidang terjemahan hanya terjadi apabila terdapat satu perkataan dalam bahasa sumber yang boleh diterjemahkan kepada perkataan yang hampir sama maknanya dalam bahasa sasaran.

14. Pengurangan dan Perluasan

Prosedur pengurangan ialah prosedur yang mengurangkan perkataan, manakala prosedur perluasan ialah penambahan perkataan dilakukan dalam perkataan asal. Kebiasaannya, prosedur ini jarang digunakan kerana ia dianggap sebagai terjemahan tidak tepat.

15. Parafrasa

Parafrasa merujuk kepada proses penerangan tentang makna yang dimaksudkan dalam teks sumber. Prosedur ini digunakan apabila maksud yang ingin disampaikan dalam teks sumber adalah kurang jelas.

16. Kuplet

Proses kuplet melibatkan penggabungan beberapa prosedur terjemah bagi menterjemahkan perkataan bahasa sumber. Digunakan untuk menterjemahkan perkataan yang memiliki unsur budaya namun sukar untuk diterjemahkan.

17. Nota dan Glosari

Catatan tambahan dilakukan bagi memberi penjelasan dengan lebih mendalam. Bentuk catatan ini boleh terdapat dalam teks, bahagian bawah halaman, bahagian terakhir bab atau bahagian akhir buku.

18. Terjemahan Literal

Terjemahan literal melibatkan semua tahap bahasa iaitu perkataan demi perkataan dan ayat demi ayat.

4. Analisis dan Perbincangan

Data yang diperoleh akan dianalisis mengikut kepada teori yang diperkenalkan oleh Newmark (1988) iaitu kategori unsur budaya dan prosedur terjemahan. Objektif pertama dihuraikan berdasarkan pecahan kumpulan unsur budaya iaitu ekologi, budaya material, budaya sosial, organisasi sosial dan gerak isyarat. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis untuk mencapai objektif kedua, iaitu prosedur terjemahan unsur budaya yang terdapat dalam novel “Salina”.

- **Kategori Unsur Budaya**

Berikut merupakan Jadual 4.1 merujuk kepada kategori unsur budaya yang ditemui dalam novel “Salina”.

Jadual 1: Unsur Budaya dalam novel “Salina”

Unsur Budaya	Data	Peratus
Ekologi	23	11.68
Budaya Material	90	45.69
Budaya Sosial	69	35.02
Organisasi Sosial	15	7.61
Gerak Isyarat dan Tabiat	0	0
Jumlah	197	100

Jadual 1 merujuk kepada unsur budaya dalam novel “Salina”. Terdapat sebanyak 197 unsur budaya dalam novel yang dikaji. Unsur budaya ekologi mempunyai sebanyak 23 data bersamaan 11.68%. Seterusnya, budaya material pula mempunyai sebanyak 90 data bersamaan 45.69%. Unsur budaya material mempunyai jumlah yang tertinggi daripada unsur budaya yang lain. Budaya sosial pula mempunyai data sebanyak 69 data iaitu 35.02% dan unsur budaya organisasi sosial pula mempunyai sebanyak 15 data bersamaan 7.61% yang ditemui dalam novel “Salina”. Namun begitu, unsur budaya gerak isyarat dan tabiat tidak ditemui dalam kajian ini.

- **Ekologi**

Budaya ekologi merujuk kepada faktor geografi dan persekitaran sesebuah tempat (Newmark, 1988). Lazimnya, unsur budaya ekologi ini bebas daripada hal politik dan ekonomi. Antara ciri geografi yang boleh dibezakan dalam unsur budaya seperti tumbuhan, haiwan, iklim, bentuk muka bumi dan sebagainya. Setiap unsur budaya ekologi mempunyai kepentingan kepada sesebuah masyarakat. Berikut merupakan contoh bagi data unsur budaya ekologi dalam novel Salina.

Jadual 2 : Unsur Budaya Ekologi

Bil	Bahasa Sumber
1	... kemudian menuju ke arah pokok pisang yang ada seekor kambing besar dengan dua ekor anaknya tertambat di situ... (B1, H12)
2	“Betullah. Ha, itu pun dia pokok cempedaknya . Di belakang itulah biliknya,” jawab orang tua itu terbatuk-batuk sambil menunjuk ke pokok cempedak ... (B1, H5)

Jadual 2 menunjukkan dua contoh kategori unsur budaya ekologi. Istilah **seekor kambing besar** digunakan merujuk kepada kambing betina yang mempunyai saiz atau ukuran yang besar. Perkataan ini diterjemahkan menjadi **a large nanny goat** merujuk kepada kambing betina secara umum. Perkataan large dalam konteks ini menambahkan makna bahawa kambing betina tersebut mempunyai saiz yang besar. Contoh seterusnya iaitu frasa **Pokok cempedak** diterjemahkan menjadi **jackfruit tree's** dalam bahasa sasaran. Mengikut Kamus Inggeris-Melayu Dewan (2002) perkataan **jackfruit** membawa maksud pokok atau buah nangka. Penterjemah telah menggunakan istilah **jackfruit** untuk memberi padanan makna kepada unsur budaya pokok cempedak kerana kedua-dua buah ini mempunyai ciri dan saiz yang sama.

• Budaya Material

Budaya material merupakan bahan artifak atau kebendaan yang merujuk kepada aspek penting dalam kehidupan manusia. Menurut Newmark (1988), budaya material ini boleh terdiri daripada makanan, pakaian, rumah dan bandar, dan kenderaan yang dicipta oleh manusia. Berikut merupakan penerangan bagi data unsur budaya material dalam novel Salina.

Jadual 3 : Unsur Budaya Material

Bil	Bahasa Sumber
1	“Entahlah, masih belum tahu lagi sebab tempayan saya cuma sebuah saja.” (B2, H24)
2	Cerek airnya diletakkan di atas dapur lain yang tidak berapi dan meletakkan pula sebuah periuk yang berisi pengat ubi di atas dapur yang berapi itu. (B3, H42)

Data seterusnya menunjukkan kategori unsur budaya bagi budaya material iaitu peralatan. Definisi peralatan ialah barang-barang manusia yang mempunyai fungsi dalam penggunaannya. Peralatan dicipta oleh manusia bagi memudahkan dan memberi keselesaan kepada mereka. Misalnya, **tempayan** iaitu sejenis bekas yang diperbuat daripada tanah liat untuk menyimpan atau mengangkut air, makanan dan sumber lain. Namun begitu, perkataan ini telah diterjemahkan menjadi **jar** yang membawa maksud bekas bulat yang tinggi dan bermulut luas (Kamus Inggeris-Melayu Dewa, 2002). Istilah **jar** digunakan kerana mempunyai ciri yang sama seperti tempayan walaupun terjemahan yang dilakukan ini tidak mengekalkan unsur budaya material dalam teks sasaran.

Seterusnya contoh kedua menunjukkan kategori unsur budaya bagi budaya material iaitu makanan. Makanan mempunyai nilai yang penting dan sensitif dalam budaya tempatan. Menurut Newmark (1988), makanan merujuk kepada hidangan yang berasal dari sesuatu kawasan atau budaya tertentu. Namun begitu, makanan juga boleh bersifat adaptif untuk memenuhi citarasa atau keperluan masyarakat yang berbeza. Perkataan **pengat ubi** telah diterjemahkan menjadi **sweet-potato pudding** dalam bahasa sasaran kerana terjemahan ini menunjukkan padanan makna yang paling hampir dengan maksud perkataan dalam teks sumber. Pengat ubi merupakan makanan pencuci mulut atau manisan yang dimasak dengan menggunakan ubi keledak dan santan kelapa.

• Budaya Sosial

Budaya sosial merujuk kepada aspek kerja dan aktiviti dalam sesuatu bahasa yang menjadi suatu kebiasaan dalam kehidupan seharian. Newmark (1988) menyatakan bahawa pekerjaan, aktiviti beriadah, hierarki masyarakat atau permainan yang diamalkan menunjukkan aspek budaya sosial.

Jadual 4 : Unsur Budaya Sosial

Bil	Bahasa Sumber
1	Dia seperti seorang mata-mata gelap yang mahu tahu segala butir-butir keterangan mengenai diri seseorang. (B1, H11)
2	“Alamak ini Kurupaya banyak cilaka. Sudah banyak wang, sekarang mahu banyak wang lagi,” kata Benggali jaga itu meludah-ludah sambil pergi duduk pula di lorinya. (B1, H8)

Kategori unsur budaya bagi budaya sosial iaitu **seorang mata-mata gelap** merujuk kepada budaya sosial. Frasa ini merujuk kepada sebuah pekerjaan yang menjalankan tugasnya sebagai pengintip dalam menyiasat kes dan menjaga keselamatan masyarakat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Frasa ini telah diterjemahkan kepada **a detective** yang menyerupai maksud dalam teks sumber.

Contoh kedua menunjukkan, istilah **Benggali jaga** merupakan bangsa yang berasal dari Benggala, India (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Jaga pula adalah suatu pekerjaan untuk menjaga, mengawal dan mengawasi keamanan. Perkataan ini telah diterjemahkan menjadi **the watchman** yang

membawa maksud pengawal keselamatan (*Kamus Inggeris Melayu-Dewan*, 2002) dan menyerupai makna dalam teks sumber.

• Organisasi Sosial

Organisasi sosial merupakan aspek budaya yang penting dalam sesebuah masyarakat seperti adat, kepercayaan, agama dan falsafah. Organisasi boleh terdiri daripada sistem pentadbiran dan politik. Kepercayaan pula merujuk kepada pegangan agama sesebuah masyarakat. Berikut merupakan penerangan bagi data unsur budaya organisasi sosial dalam novel *Salina*.

Jadual 5: Unsur Budaya Organisasi Sosial

Bil	Bahasa Sumber
1	Muhammad Yusup datang ke shelter itu dengan memakai topi besinya. Dia dalam Malayan Artillery Service dan sedang di dalam tugasnya, (B10, H141)
2	Dalam syurga sajalah yang ada. (B2, H30)

Contoh pertama **Malayan Artillery Service** merupakan persatuan menjaga keamanan negara semasa Perang Dunia Kedua berlaku. Persatuan ini merupakan angkatan tentera yang bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan Negara dan penterjemah telah mengekalkan istilah **Malayan Artillery Service** dalam bahasa sasaran kerana melibatkan penggunaan istilah khusus dalam teks.

Contoh kedua merujuk kepada unsur budaya organisasi sosial melibatkan pegangan agama atau kepercayaan dalam masyarakat. Perkataan **syurga** dipercayai oleh masyarakat Melayu yang beragama Islam merujuk kepada tempat pengakhiran abadi oleh individu Muslim dan tempat mengecap nikmat Tuhan yang kekal (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Perkataan ini telah diterjemahkan menjadi **heaven** dalam bahasa sasaran kerana membawa maksud yang sama seperti teks sumber.

• Prosedur Terjemahan

Data yang diperoleh akan dianalisis mengikut kepada prosedur terjemahan unsur budaya Newmark (1988) yang terdapat dalam novel "*Salina*". Jadual 6 menunjukkan prosedur terjemahan unsur budaya yang ditemui dalam novel ini.

Jadual 6: Prosedur terjemahan unsur budaya dalam novel "*Salina*"

Prosedur Terjemahan	Data	Peratus
Pemindahan	11	5%
Persamaan Budaya	20	10%
Penggantian	9	4%
Literal	100	51%
Naturalisasi	8	4%
Pengurangan dan Perluasan	11	5%
Sinonim	15	8%
Terjemahan Sedia Ada	10	5%
Parafrasa	7	4.5%
Kuplet	3	2%
Persamaan Deskriptif	1	0.5%
Persamaan Fungsional	2	1%
JUMLAH	197	100

Jadual 1 merujuk prosedur terjemahan yang dijumpai dalam novel *Salina*. Terdapat 13 jenis prosedur terjemahan yang ditemui daripada 18 prosedur yang diperkenalkan oleh Newmark (1988). Prosedur terjemahan literal menunjukkan kekerapan yang paling tinggi digunakan iaitu 100 data (51%) manakala hanya satu prosedur persamaan deskriptif yang digunakan oleh penterjemah atau (0.5%) daripada jumlah keseluruhan data iaitu 197.

1. Pemindahan

Pemindahan merupakan satu prosedur yang merujuk kepada proses pemindahan perkataan bahasa sumber kepada bahasa sasaran yang merangkumi proses transliterasi (bentuk huruf kepada huruf lain). Peminjaman dilakukan secara terus dari teks sumber kepada teks sasaran.

Jadual 7: Prosedur Pemindahan

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	Unsur Budaya
Dan kalau selera Abdul Fakar ‘kurang sedap, dia bertanya, Taan, hendak makan apa? Tose? Apam? Nasi lemak? Putu mayang? Roti perata? (B9, H120)	<i>And if Abdul Fakar found that ‘less than tempting’, she asked, Taan, what would you like to eat? Thosai? Appam? Coconut rice? Putu mayam? Pratha bread?</i> (B9, H141)	Budaya Material

Jadual di atas menunjukkan prosedur pemindahan yang digunakan untuk menterjemahkan unsur budaya material iaitu ‘Putu mayang’. Penterjemah telah mengekalkan perkataan ini dalam bahasa sasaran kerana makanan putu mayang merupakan makanan tradisional masyarakat India di Malaysia. Oleh yang demikian, penterjemah memilih untuk tidak mencari padanan dalam bahasa sasaran kerana dikhuatiri padanan yang digunakan tidak mencerminkan makna sebenar dalam teks sumber.

2. Naturalisasi

Naturalisasi merupakan proses naturalisasi melibatkan proses penyesuaian dalam perkataan bahasa sumber akan dimodifikasikan mengikut sistem morfologi bahasa sasaran. Prosedur ini juga mengadaptasi sistem bunyi bahasa sasaran dari kata yang dipinjam dari bahasa sumber.

Jadual 8: Prosedur Naturalisasi

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	Unsur Budaya
Dan kalau selera Abdul Fakar ‘kurang sedap, dia bertanya, Taan, hendak makan apa? Tose? Apam? (B9, H120)	<i>And if Abdul Fakar found that ‘less than tempting’, she asked, Taan, what would you like to eat? Thosai? Appam?</i> (B9, H141)	Budaya Material

Perkataan **Tose** dalam Jadual 2 menunjukkan kategori unsur budaya material yang diterjemahkan menjadi **Thosai** dalam bahasa sasaran. **Tose** ialah sejenis makanan masyarakat India yang diperbuat daripada beras dan dimakan bersama kuah dal dan sebagainya. Terdapat penggantian huruf -e dalam perkataan tose dalam bahasa sumber dan digantikan dengan huruf -i menjadi *thosai* kerana mengikut kesesuaian sistem ejaan dan fonologi. Hal ini menunjukkan bahawa prosedur terjemahan ini sesuai digunakan kerana terdapat penyesuaian perkataan bahasa sumber ke bahasa sasaran.

3. Persamaan Deskriptif

Persamaan deskriptif merujuk kepada terjemahan yang berbentuk huraian. Perkara ini secara tidak langsung telah menunjukkan kepentingan penerangan dan fungsi dalam terjemahan. Berikut merupakan contoh prosedur terjemahan persamaandeskriptif oleh Newmark (1988) dalam novel Salina.

Jadual 9: Prosedur Persamaan Deskriptif

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	Unsur Budaya
Dia berkembangan , dan kedua-dua belah bahunya tertutup oleh... (B3, H34)	<i>Her sarong was tied around her chest...</i> (B3, H33)	Budaya Sosial

Data di atas menunjukkan unsur budaya sosial. Perkataan **berkemban** merujuk kepada **sarong** *was tied around her chest* dalam bahasa sasarannya. Dalam masyarakat Melayu, berkemban adalah satu tindakan memakai kain batik sebagai pakaian. Kebiasaannya, tindakan ini merujuk kepada kain batik dililitkan dikelilingi badan untuk menutup bahagian dada hingga kaki. Terjemahan ini menggunakan persamaan deskriptif kerana dalam masyarakat Barat tiada istilah berkemban dan kebiasaannya mereka hanya menggunakan tuala untuk menutup badan selepas mandi.

4. Persamaan budaya

Persamaan budaya adalah perkataan yang terdapat dalam budaya bahasa sumber digantikan dengan perkataan budaya bahasa sasaran. Sesuatu perkataan yang memiliki unsur budaya dalam bahasa sumber dan diterjemahkan dengan perkataan yang turut memiliki padanan dalam bahasa sasaran walaupun persamaannya tidak terlalu tepat.

Jadual 10: Prosedur Persamaan Budaya

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	Unsur Budaya
Kemudian dengan suara yang agak rendah disambunginya, “Boleh jadi juga Kak Inah dah termakan atau terkena buat, ” (B2, H31)	<i>Then, lowering her voice she continued, “She’s really under his spell.”</i> (B2, H31)	Budaya Sosial

Jadual 10 menunjukkan ungkapan “**Kak Inah dah termakan atau terkena buat..**” diterjemahkan menjadi “*She’s really under his spell*” dalam bahasa sasaran. Ungkapan bahasa sumber tersebut membawa maksud bahawa Kak Inah dikenakan sihir atau perbuatan ilmu hitam. Dalam budaya Melayu dan budaya Barat juga terdapat perbuatan sihir bagi menjatuhkan orang lain bagi kepentingan diri sendiri. Walau bagaimanapun, terjemahan ini dilakukan dengan mengambil makna yang hampir sama untuk dipadankan dengan bahasa sasaran.

3. Pengurangan dan Perluasan

Prosedur pengurangan melibatkan pengguguran perkataan atau frasa dalam teks sasaran. Prosedur ini hanya boleh dilaksanakan apabila proses pengurangan tersebut tidak akan menjejaskan makna. Seterusnya, prosedur perluasan melibatkan penambahan perkataan atau frasa dalam teks sasaran untuk membolehkan penceritaan atau huraian berkaitan konteks cerita lebih difahami. Sebagai contohnya :

Jadual 11 : Prosedur Pengurangan dan Perluasan

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	Unsur Budaya
Matanya ke lampu tin yang melenggang-lenggang itu. (B2, H27)	<i>Her eyes fell on the lamp that was wavering and flickering.</i> (B2, H26)	Budaya Material
Dan keriuhan anak-anak bermain jelun dan berkejar-kejaran menjalar-jalarlah. (B4, H59)	<i>And the din and clamour of the children playing jelun and catch began to creep into every corner of the Village</i> (B4, H63)	Budaya Sosial

Contoh pertama merujuk kepada unsur budaya material yang telah menggunakan prosedur terjemahan pengurangan. Perkataan **lampu tin** dalam bahasa sumber telah diterjemahkan kepada **the lamp** dalam bahasa sasaran dan perkataan tin telah digugurkan dalam teks bahasa sasaran. Hal ini berikutan, hasil terjemahan dalam bahasa sasaran telahpun membawa maksud yang sama iaitu menunjukkan budaya material lampu walaupun tidak dikekalkan perkataan tin tersebut. Pengguguran yang dilaksanakan tidak menganggu makna yang ingin disampaikan oleh penulis dalam teks sumber.

Contoh kedua merujuk kepada budaya sosial dengan adanya frasa **bermain jelun dan berkejar-kejaran menjalar-jalarlah** yang telah diterjemahkan menjadi *playing jelun and catch*

began to creep into every corner of the village dalam bahasa sasaran. Proses perluasan berlaku dengan adanya penambahan frasa '*into every corner of the village*' atau disetiap pelusuk kampung kerana penterjemah ingin memberikan penjelasan konteks bermain jelun ini kebiasaannya melibatkan permainan kejar-mengejar di dalam kampung. Secara tidak langsung, perluasan yang berlaku dapat memberikan maklumat tambahan kepada pembaca teks sasaran.

3. Parafrasa

Parafrasa merujuk kepada proses penerangan tentang makna yang dimaksudkan dalam teks sumber. Prosedur ini digunakan apabila maksud yang ingin disampaikan dalam teks sumber adalah kurang jelas. Selain itu, penterjemah menggunakan prosedur parafrasa untuk menstruktur semula ayat dalam teks sumber supaya dapat disampaikan dengan lebih jelas dalam bahasa sasaran.

Jadual 7 : Prosedur Parafrasa

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	Unsur Budaya
"Entahlah, masih belum tahu lagi sebab tempayan saya cuma sebuah saja." (B2, H24)	<i>"Don't know, perhaps. I still don't know because i have only one jar for storage."</i> (B2, H22)	Budaya Material

Jadual 7 menunjukkan unsur budaya material yang merujuk kepada perkataan **tempayan** yang telah diterjemahkan menjadi **one jar for storage** dalam bahasa sasaran. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), tempayan merupakan bejana yang diperbuat daripada tanah liat untuk menyimpan air. Konsep makna ini bersesuaian dengan padanan makna dalam bahasa sasaran apabila penterjemah menggunakan prosedur parafrasa untuk menterjemah perkataan tempayan tersebut. Frasa **one jar for storage** yang merujuk kepada bekas bulat yang tinggi untuk menyimpan sesuatu dan padanan makna ini menyamai makna dalam teks sumber. Walaupun unsur budaya material tidak dikekalkan dalam bahasa sasaran, tetapi konsep padanan makna yang tepat akan menyebabkan pembaca sasaran memahami maksud yang sebenar seperti membaca teks sumber.

3. Prosedur Literal

Prosedur terjemahan literal ialah terjemahan harfiah yang melakukan terjemahan perkataan demi perkataan daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran. Terjemahan literal bukan sahaja terjemahan satu demi satu tetapi ia meliputi sistem tatabahasa yang berbsesuaian dalam bahasa sasaran.

Jadual 8: Prosedur Literal

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	Unsur Budaya
Mereka semuanya sedang memasak; ada yang sedang memarut kelapa . ada yang sedang menggiling rempah...	<i>ll of them were involved n cooking; some grating coconuts, others grinding spices...</i>	Budaya Sosial

Berdasarkan contoh di atas, frasa **memarut kelapa** telah diterjemahkan menjadi **grating coconuts** dalam bahasa sasaran yang menggunakan prosedur literal Newmark (1988). Terjemahan literal digunakan untuk menterjemah unsur budaya sosial ini kerana padanan makna dalam teks sasaran menepati maksud asal teks sumber. Prosedur literal boleh digunakan untuk menterjemah perkataan atau frasa apabila terjemahan yang dihasilkan tidak bertentangan dengan maksud sebenar ayat tersebut.

5. Kesimpulan

Kajian yang dijalankan dengan memanfaatkan prosedur terjemahan Newmark (1988) menunjukkan setiap unsur budaya yang dijumpai telah menggunakan prosedur terjemahan yang berbeza-beza mengikut kepada konteks makna yang bersesuaian dengan budaya pembaca sasaran. Perkara ini sangat penting kerana novel Salina merupakan sebuah karya agung yang sarat dengan elemen budaya serta penceritaan berkaitan dengan masyarakat. Oleh itu, penterjemah perlu menitikberatkan perbezaan aspek budaya antara bahasa sumber dan bahasa sasaran supaya terjemahan yang dihasilkan memberikan impak yang sama kepada pembaca sasaran seolah-olah seperti membaca teks sumber.

Bibliografi

- A. Samad Said. (2019). *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. (2013). *Salina*. (Lalita Sinha, Trans.) Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
- Arnida, A. B., & Lubna, A. R. (2021). *Penterjemahan makna unsur budaya dalam novel Arab "saacah baghdad: riwayat" ke dalam bahasa Inggeris melalui aplikasi e-tranlasi Google*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6(3), 69-79.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Inggeris-Melayu Dewan. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sa'ad, M.L.I.H., Zainon Hamzah, Z.A., Zakaria, Z.Z., & Mohamed, M.S. (2015). Kajian Fenomena Antara Idiom dan Kolokasi: Satu Analisis Terjemahan Struktur dan Makna. *Jurnal Linguistik*. 19(2), 10-23.
- Nur Asyikin Rodin & Mohamad Nik Mat Pelet. (2024). Analisis Penggunaan Ayat Majmuk dalam Teks Rasmi Ucapan Menteri Pendidikan 2022. *Jurnal Linguistik*, 28(1), 062-074.
- Norhazlina Husin. (2015). *Strategi Penterjemahan Elemen Budaya Bukan Material dalam The World is Flat: A Brief History of The Globalized World in The Twentu-First Century ke dalam Bahasa Melayu*.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. London: Prentice-Hall International.
- Nida, E. A. (1993). *Language, Culture and Translation*. Shanghai: Shanghai Foreign Language Education Press.
- Zuraidah Jantan, Rozaimah Rashidin, Norizah Ardi & Azhar Ab Wahab. (2023). Padanan dan Prosedur Terjemahan Perlambangan Pancaindera dalam Peribahasa Inggeris –Melayu. *Jurnal Linguistik*, 27(2), 129-144.

Biodata Penulis

Nur Hidayah Yahaya merupakan seorang pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam dalam bidang terjemahan.

Nur Iman Nasuha Mohamad Sharudin merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Bahasa Melayu Komunikasi Profesional) di Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam.